

1100033067

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 27 FPE 1 2003



1100033067

Laporan akhir latihan industri di Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (KETARA) / Wan Nor Zila Wati Wan Yusof



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100033067

PUSAT PEMBELIWAHAN & PERPUSTAKAAN
NUR ZAHIRAH

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI
27
FPE
1
2003

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PROJEK
PEMBANGUNAN PERTANIAN TERENGGANU
UTARA (KETARA) JERTIH**

OLEH

WAN NOR ZILA WATI BINTI WAN YUSOF
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2003

1100033067

APPENDIX E

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **WAN NOR ZILA WATI BINTI WAN YUSOF (UK 5607)** bahawa laporan **Latihan Industri** bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Wan Nor Zila Wati Binti Wan Yusof

Tarikh : 9 Oktober 2003

Disahkan oleh :

**Cik Siti Aisyah Bt Saat
Penyelia KUSTEM
B / p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)
KUSTEM**

DEDIKASI

Assalamualaikum,

Syukur kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah inayah-Nya, maka kertas laporan ini dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Teristimewa buat insan tersayang bonda dan ayahdaku Halimah Husin dan Wan Yusof Wan Abdullah yang banyak memberi inspirasi dalam memajukan diri ini. Kasih dan jasamu akan ku kenang sehingga ke akhir hayatku.

Salam sayang.....

Khas buat Abang Syam, Ha-ha, Nik, Yus, Azie, Aien, dan Wanie yang menjadi pengikat kasih antara diri ini di atas dorongan, kesabaran dan doa kalian sepanjang pengajianku. Sokongan dan kecintaan kalian amat bermakna buat diri ini dalam menempuhi segala suka duka kehidupan.

Istimewa

Buat teman –teman seperjuangan terutama Leen , Linda, Iffah, dan Diana serta insan lain yang banyak membantu dalam memberi buah fikiran kepada diri ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga diatas kesabaran kalian dalam memahami dan mengerti dengan sikap dan kerendahku sepanjang tiga tahun kita bersama. Keindahan kenangan bersama kalian banyak meninggalkan nostalgia indah kerana suatu hari nanti pasti ia akan memutikkan kembali kerinduan diri ini pada kalian semua.

Didoakan semoga kita sama-sama mendapat keredhaan dari-Nya di dunia mahupun akhirat. Insyaallah.....

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan inayahnya dapat saya menyiapkan laporan latihan industri ini dalam jangka masa yang ditetapkan. Ucapan jutaan terima kasih kepada pihak KUSTEM khususnya kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program latihan industri yang bermatlamat untuk meluaskan minda dan memberi kemahiran kepada mahasiswa menempuh alam pekerjaan kelak.

Tidak lupa juga kepada pihak KETARA yang sudi menerima dan memberi peluang kepada saya untuk mengikuti latihan praktikum di sini. Ucapan setinggi –tinggi penghargaan juga ditujukan kepada penyelia latihan industri KUSTEM iaitu Cik Siti Aisyah Bt Saat kerana sudi memberi tunjuk ajar, panduan dan bimbingan kepada saya sepanjang menjalani latihan praktikum ini.

Kepada penyelia organisasi iaitu En. Rosman Yaacob, ribuan terima kasih diucapkan kerana banyak memberi bantuan dan tunjuk ajar semasa menjalani latihan indutri disana. Tanpa sokongan dan bantuan dari beliau agak sukar untuk saya melaksanakan tanggungjawab sebagai pelatih praktikum disana.

Seterusnya tidak lupa kepada keluarga tersayang iaitu kedua ibubapa saya yang turut sama memberi semangat dan perangsang agar berusaha mengharungi apa juu masalah dengan sebaik mungkin. Teman-teman seperjuangan yang banyak membantu serta sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak . Budi dan jasa kalian tidak mungkin dilupakan.

Sekian Terima Kasih. Wassalam.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
APPENDIX E	
DEDIKASI	
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
RINGKASAN PERKATAAN	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI LAMPIRAN	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix

BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 : Pengenalan	1
1.2 : Sejarah Penubuhan Organisasi	2
1.3 : Objektif, Strategi dan Bidang tugas	4
1.4 : Fungsi dan Piagam Pelanggan	7
1.5 : Pemilikan	9
1.6 : Tumpuan Pasaran	10
1.7 : Pendekatan Yang Digunakan	14
1.8 : Carta Organisasi	15
1.9 : Struktur Organisasi	16
2.0 : Aktiviti Organisasi	21
2.1 : Kemahiran Yang Dipelajari	27
2.1.1: Pengendalian Program	27
2.2.2: Pengurusan pentadbiran	28
2.3.3: Penyediaan laporan projek	29
2.4.4: Budaya kerja dan komunikasi	29
2.5.5: Pengurusan Tender	30
2.6..6: Pengambilan Balik Tanah	31
2.2 : Rumusan	32

BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1: Pengenalan	33
2.2: Mengesan Sistem Yang Sedia Ada	
2.2.1: Sistem Pengrekodan Input Secara Manual	33
2.2.2: Sistem Pengembangan	35
2.2.3: Sistem Pemodenan	36
2.2.4: Sistem Pengkomputeran	37
2.3: Penemuan Masalah	38
2.4: Analisis Masalah dan Perbincangan	42
2.5: Cadangan Penyelesaian	46
2.6: Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	53

BAB 3 : RUMUSAN DAN PENUTUP

3.1: Pengenalan	55
3.2: Rumusan dan Kesimpulan	55
3.3: Penutup	57
BIBLIOGRAFI	58

RINGKASAN PERKATAAN

KETARA	- Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara
KUSTEM	- Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
IADP	- Integrated Agriculture Development Project
DEB	- Dasar Ekonomi Baru
ADB	- Bank Pembangunan Asia
PMU	- Unit Pengurusan Projek
LKIM	- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MARDI	- Malaysian Agriculture Research And Development Institute
FAMA	- Federal Agricultural Marketing Authority
DPN	- Dasar Pertanian Negara
LPP	- Lembaga Pertubuhan Peladang
UPT	- Unit Pengambilan balik Tanah
JPS	- Jabatan Pengairan dan Saliran
AFTA	- Kawasan Perdagangan Bebas Asean
KPA	- Kumpulan Fengguna Air

SENARAI RAJAH

Rajah 1.5: Carta Organisasi KETARA

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Gambar Pintu masuk utama KETARA

Lampiran 2: Peta kawasan projek KETARA

Lampiran 3: Peta Daerah dan Mukim dalam kawasan KETARA

Lampiran 4: Peta kawasan yang terlibat dengan soal selidik

Lampiran 5: Peta Skim Pengairan utama KETARA

Lampiran 6: Aktiviti dan program yang di jalankan di KETARA

Lampiran 7: Laporan Pertama di Tapak Latihan Industri

Lampiran 8: Laporan Kedua di Tapak Latihan Industri berkaitan dengan pernyataan aspek yang boleh dipelajari.

Lampiran 9: Laporan Ketiga: Kemajuan semasa di Tapak Latihan Industri berkaitan dengan pernyataan pencapaian mengikut rancangan latihan.

Lampiran 10: Borang Penilaian Latihan Industri

Lampiran 11: Bahan rujukan yang digunakan

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan salah satu alternatif yang diambil oleh pihak KUSTEM dalam melahirkan graduan yang berkebolehan, berdaya intelek dan berinovatif dalam memberi pendedahan kepada pelatih untuk menjelaki alam pekerjaan kelak. Oleh yang demikian pihak KUSTEM telah mewajibkan kepada pelajar menjalani latihan industri ini dalam mana-mana organisasi yang berkaitan selama 12 minggu mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

Melalui penglibatan pelajar dalam Latihan Industri ini, ianya telah memberi kebaikan kepada diri pelajar itu sendiri mahupun pihak organisasi yang terbabit. Ini adalah kerana dalam menjalani Latihan Industri ini semestinya tidak dapat lari dari menghadapi masalah. Oleh yang demikian untuk menjaga reputasi pelajar dan juga pihak Universiti pelajar seharusnya menangani masalah tersebut dengan sebaik mungkin tanpa menyentuh mana-mana pihak.

Penempatan pelajar dalam sesebuah organisasi adalah hasil kerjasama diantara pihak Universiti dan juga organisasi yang terlibat. Disini pelajar akan terikat dengan peraturan yang ditetapkan iaitu menjalani latihan praktikum dalam jangka masa yang ditetapkan. Hasil kerja dan yang dilakukan oleh pelajar terbabit diharapkan dapat membantu pihak organisasi dalam meningkatkan reputasi dan martabat organisasi tersebut di mata masyarakat khususnya.

Selain daripada itu juga tujuan utama Latihan Industri ini adalah untuk memberi kan pengalaman langsung dan kemahiran asas profesional di alam pekerjaan kelak. Objektif Latihan Industri ini juga adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar dalam mempraktikkan dan mengaplikasikan teori-teori yang dipelajari di KUSTEM semasa menjalani latihan nanti. Disamping itu juga ia dapat memberi banyak pengetahuan dan pengalaman kepada pelatih dengan mengambil inisiatif serta memberi peluang kepada pelatih dalam memahirkan diri dengan situasi yang tidak pernah dialami sebelum ini.

Latihan Industri yang dilaksanakan oleh pihak KUSTEM sememangnya memberi impak positif kepada semua pihak. Komitmen dari setiap pelajar adalah amat penting dalam memastikan objektif Latihan Industri ini tercapai dengan jayanya. Diharapkan dengan pelaksanaan program ini ianya mampu melahirkan para pentadbir yang yang berpandangan jauh dan berdedikasi dalam semua aspek khususnya yang terlibat dengan kehendak masyarakat.